

R B585 AAB
PM-ZAINAL

KUALA LUMPUR, 27 APRIL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA BELIAU BERASA KECEWA ATAS TINDAKAN PRESIDEN KONGRES KESATUAN SEKERJA MALAYSIA (MTUC) ENCIK ZAINAL RAMPAK MEMASUKI PARTI SEMANGAT 46. --*

INI MENUNJUKKAN BAHAWA ENCIK ZAINAL CUMA MENGGUNAKAN KEDUDUKANNYA SEBAGAI PRESIDEN MTUC UNTUK KEPENTINGAN POLITIK DAN BUKAN UNTUK MEMBELA NASIB PARA PEKERJA, KATANYA KEPADA PEMBERITA DI MAJLIS RUMAH TERBUKANYA DI SERI PERDANA DI SINI.

+INI AKAN MERUGIKAN PARA PEKERJA SENDIRI,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

MENURUT LAPORAN AKHBAR HARI INI, PEMIMPIN SEMANGAT 46 DATUK HARUN IDRIS MENGESAHKAN BAHAWA PERMOHONAN ENCIK ZAINAL UNTUK MEMASUKI PARTI PEMBANGKANG ITU DITERIMA DUA BULAN LEPAS.

KIRA-KIRA 8,000 ORANG, TERMASUK ORANG KENAMAAN DAN RAKYAT JELATA, MENGUNJUNGI DATUK SERI DR MAHATHIR DAN ISTERINYA UNTUK MENGUCAPKAN +SELAMAT HARI RAYA+ KEPADA MEREKA. -- LAGI
1957MST 27 04 90
0711

R B586 AAB
PM-ZAINAL 2 KUALA LUMPUR

+JUMLAH ITU ADALAH LEBIH BESAR BERBANDING DENGAN TAHUN-TAHUN YANG LEPAS,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU BERSYUKUR KERANA DAPAT MENGADAKAN RUMAH TERBUKA DAN BERTAHUN RAYA BERSAMA-SAMA ORANG RAMAI TAHUN INI KERANA TAHUN LEPAS BELIAU TERPAKSA MENGAMBIL CUTI SAKIT.

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA PRESIDEN UMNO, MENJALANI PEMBEDAHAN JANTUNG TAHUN LEPAS DAN TELAH DINASIHATKAN OLEH DOKTORNYA SUPAYA BEREHAT.

ORANG RAMAI BERPUSU-PUSU MENGUNJUNGI SERI PERDANA, BERJABAT TANGAN SERTA MENGUCAPKAN +SELAMAT HARI RAYA+ KEPADA DATUK SERI DR MAHATHIR DAN DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH MOHAMED ALI DARI PUKUL 10 PAGI HINGGA PUKUL 5.30 PETANG.

+ADA ANTARA PELAWAT YANG BERTANYAKAN PERIHAL PILIHAN RAYA AKAN DATANG DAN MEREKA BERHARAP BARISAN NASIONAL AKAN MENANG. ADA JUGA YANG BERHARAP TAHUN DEPAN MEREKA AKAN DAPAT BERJUMPA SAYA LAGI DI SINI,+ TAMBAH DATUK SERI DR MAHATHIR. -- BERNAMA
2001MST 27 04 90